

31 JUL 1997

DELEGASI LID LAWAT KAWASAN MSC (bergambar)

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Satu kumpulan peserta Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID '97) termasuk pemimpin-pemimpin dari selatan Afrika melawat kawasan Koridor Raya Multimedia hari ini, bermula dari Taman Teknologi Malaysia sehingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang.

Mereka terdiri daripada Presiden Botswana Sir Ketumile Masire, Presiden Namibia Dr Sam Nujoma dan Presiden Swaziland Dr B.S. Dlamini. (Swaziland) selain Naib Presiden Ghana Prof John Evens Atta Mills, Naib Presiden Malawi J.C. Malewezi, Naib Presiden Uganda Specioza Wandira Kazibwe dan Naib Presiden Madagascar Herizo Razafimahaleo.

Yang lain ialah Perdana Menteri Jordan Dr Abdel Salam Al-Majali, Perdana Menteri Mauritius Dr Navichandra Rangoolam dan Timbalan Perdana Menteri Lesotho, Prof Pakalitha Mosisili.

Mereka berada di ibu negara selepas menghadiri dialog tiga hari di Langkawi yang berakhir semalam.

Dalam lawatan tiga jam itu, pemimpin-pemimpin itu meninjau beberapa projek MSC yang dalam pembinaan termasuk Putrajaya, Cyberjaya dan Pusat Pembangunan Teknologi Malaysia di Universiti Putra Malaysia.

Projek itu adalah antara teras pembangunan MSC yang meliputi kawasan seluas 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang menganjur ke selatan dari Pusat Bandaraya Kuala Lumpur yang diwujudkan untuk pembangunan multimedia dan teknologi maklumat.

Pemimpin-pemimpin itu kemudian diraikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada jamuan tengah hari di sebuah hotel.-- BERNAMA

HJ NN MAI